

Mendiskriminasi pekerja B-putera:

NTIKAN SEGERA!



■ DATUK SERI DR MAHATHIR

Oleh BUSTAMAM AHMAD

KELANG, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kepada selangai syarikat perusahaan supaya segera menghentikan kegiatan mendiskriminasi pekerja Bumiputera di peringkat pengurusan dan eksekutif.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan, amalan itu hendaklah dihentikan segera bagi menjamin perkembangan dan perhubungan silat di antara pekerja berbilang kaum di negara ini.

Serentak dengan itu, beliau menekankan tentang perlunya pekerja Bumiputera di peringkat terasabai ditempatkan di bahagian tertentu untuk membolehkan mereka melibatkan diri sepenuhnya dalam pentadbiran dan pengurusan syarikat berkenaan.

Menurutnya, pekerja eksekutif Bumiputera tidak semestinya dijadikan orang perantaraan di antara syarikat mereka dengan jabatan Kerajaan sahaja.

Bellau berucap demikian ketika merasmikan Syarikat Auto Parts Manufacturers Sdn. Bhd. di kawasan perindustrian Pandamaran.

"Telah sampai ke pada pengetahuan saya tentang adanya syarikat yang menjalankan kegiatan diskriminasi terhadap pekerja Bumiputera di peringkat pengurusan atas sebab yang hanya diketahui oleh syarikat berkenaan sahaja," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, syarikat perusahaan perlu menyemak komposisi pekerja mereka dari masa ke masa agar mencerminkan masyarakat berbilang kaum. Oleh itu, syarikat baru, patut mengambil tenaga kerja yang mencerminkan komposisi kaum dari awal lagi.

"Jika di peringkat permulaan tenaga pekerja tidak mencerminkan struktur komposisi kaum, maka akan timbul kerumitan dalam usaha memperbaiki keadaan ini kerana penyusunan semula gunatengahnya hanya boleh dibuat pada masa tertentu sahaja."

"Saya juga sekali lagi menyeru semua syarikat pengilangan dan perdagangan nama ada syarikat tempatan atau asing memahami berat dan keengganan Kerajaan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata, Kerajaan sedang mengaji kemungkinan mengurangkan jenis dan model kenderaan yang dikeluarkan oleh kilang pemasangan kenderaan.

Langkah itu, untuk mempatikan kejayaan rancangan Kerajaan mewujudkan komponen yang sesuai bagi jenis dan model kenderaan.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan dari jumlah 15 kilang pemasangan kenderaan yang diluluskan Kerajaan, hanya 16 masih dalam operasi sekarang.

Menurutnya, kilang tersebut menghasilkan 19 jenis kereta penumpang dengan 109 model, 19 jenis kenderaan perdagangan dengan 149 model dan empat kenderaan roda dua dengan 14 model.

"Jumlah pelaburan yang terlibat dalam perusahaan pemasangan kenderaan bermotor di Malaysia ialah 130 juta dan memberi pekerjaan kepada 7,000 penduduk," tambahnya.

Hadir sama di upacara itu ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Hormat Rafel, Yang Dipertua Dewan Negara, Tun Omar Yoke Lin Ong, Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Datuk S. Samy Velu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia